

---

**P.U. (A) 404.****AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007****PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA  
(PELESENAN) 2008**

---

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
PELESENAN**

3. Permohonan bagi lesen
4. Pengeluaran lesen
5. Syarat-syarat lesen
6. Jangka masa lesen
7. Pembaharuan lesen
8. Aktiviti di premis dinyatakan
9. Perubahan kepada maklumat atau butir-butir
10. Salinan diperakui lesen
11. Penyenggaraan dan pengemukaan rekod, dsb.
12. Lesen disifatkan terbatal

**BAHAGIAN III  
PEMBATALAN DAN PENGGANTUNGAN LESEN**

13. Pembatalan atau penggantungan lesen

**BAHAGIAN IV  
AM**

14. Fi bagi rayuan
15. Pihak berkuasa pelesenan boleh menubuhkan jawatankuasa

**JADUAL PERTAMA****JADUAL KEDUA**

## AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007

### PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA (PELESENAN) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Industri Biobahan Malaysia Api 2007 [Akta 666], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Pelesenan) 2008**.  
(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2008.

##### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti dilesenkan” ertinya aktiviti yang dinyatakan di bawah subseksyen 5(1) Akta yang baginya lesen dikeluarkan;

“premis dinyatakan” ertinya premis yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah Akta;

“premis” ertinya mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup, alih atau tak alih, sama ada atas tanah atau laut dan termasuk mana-mana rumah, kilang, kedai, pengangkutan, stor, bilik, estet, pegangan kecil, petak atau bangsal, tempat aktiviti dilesenkan dijalankan.

#### BAHAGIAN II

##### PELESENAN

##### **Permohonan bagi lesen**

3. (1) Sesuatu permohonan bagi lesen di bawah seksyen 7 Akta hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak berkuasa pelesenan dalam borang permohonan yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.

(2) Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen yang berikut berserta dengan borang permohonan:

- (a) entiti undang-undang pemohon, jika pemohon ialah sebuah pertubuhan perbadanan;
- (b) hak untuk menggunakan suatu premis untuk aktiviti dinyatakan;
- (c) bukti kedudukan kewangan pemohon; dan
- (d) apa-apa maklumat dan dokumen lain untuk menyokong permohonan itu.

(3) Pihak berkuasa pelesenan boleh, selepas menerima permohonan bagi lesen yang lengkap, menghendaki pemohon atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemohon untuk hadir bagi pihaknya untuk hadir di hadapan pihak berkuasa pelesenan untuk ditemuduga.

(4) Pihak berkuasa pelesenan boleh enggan untuk merekodkan, meneruskan atau mendengar permohonan itu dan boleh menghendaki supaya permohonan itu dipinda atau dilengkapkan dan dikemukakan semula atau supaya suatu permohonan baru dikemukakan jika—

- (a) borang permohonan itu tidak dilengkapkan dengan sewajarnya disebabkan apa-apa peninggalan atau salah perihalan;
- (b) borang permohonan itu mengandungi apa-apa kesilapan atau pengubahan; atau
- (c) permohonan itu tidak mematuhi apa-apa kehendak yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.

### **Pengeluaran lesen**

4. (1) Pihak berkuasa pelesenan boleh, setelah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan bagi lesen di bawah peraturan 3, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Pemohon hendaklah diberitahu mengenai kelulusan atau penolakan itu secara bertulis atau melalui media elektronik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Apa-apa kelulusan lesen hendaklah tertakluk kepada fi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang hendaklah dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam surat kelulusan lesen.

### **Syarat-syarat lesen**

5. (1) Lesen yang dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Pihak berkuasa pelesenan boleh, pada bila-bila masa, mengubah, menambah, membatalkan atau meminda syarat-syarat yang dikenakan pada lesen dengan meminda Jadual Kedua.

(3) Pemegang lesen yang tidak mematuhi syarat yang berkenaan yang dikenakan bagi lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Jangka masa lesen**

6. Suatu lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sah selama tempoh tiga tahun melainkan jika—

- (a) dinyatakan selainnya dalam lesen itu; atau
- (b) dibatalkan atau digantung di bawah seksyen 12 Akta.

### **Pembaharuan lesen**

7. (1) Suatu lesen boleh diperbaharui apabila suatu permohonan dibuat dalam borang yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan dan apabila dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Pemegang lesen yang berhasrat untuk memperbaharui lesen hendaklah, dalam tempoh tidak kurang daripada satu bulan tetapi tidak awal daripada tiga bulan sebelum tarikh habis tempoh lesen, memohon bagi pembaharuan itu.

(3) Pemegang lesen yang memohon bagi pembaharuan selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (2) hendaklah membayar fi lewat sebanyak satu peratus daripada fi yang ditetapkan bagi lesen atau sepuluh ringgit, yang mana lebih besar, bagi setiap hari kelewatan itu termasuklah tarikh habis tempoh lesen itu.

(4) Jika suatu permohonan bagi pembaharuan dibuat selepas habis tempoh lesen, pihak berkuasa pelesenan boleh enggan untuk memperbaharui lesen atau boleh memperbaharui lesen tertakluk kepada pengenaan fi lewat tidak melebihi lima ratus peratus fi lesen atau lima ribu ringgit, yang mana lebih besar.

(5) Jika suatu permohonan dibuat secara pos, tarikh cap pos pada sampul surat hendaklah disifatkan sebagai tarikh yang padanya permohonan itu dibuat dan jika pihak berkuasa pelesenan tidak boleh menentukan tarikh pada cap pos itu, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat tiga hari sebelum tarikh yang padanya permohonan itu diterima oleh pihak berkuasa pelesenan.

(6) Jika permohonan bagi pembaharuan lesen dibuat secara elektronik, tarikh pada cap masa yang dilampirkan kepada permohonan hendaklah disifatkan sebagai tarikh permohonan itu dibuat dan jika tiada cap masa atau pihak berkuasa pelesenan tidak boleh menentukan tarikh pada cap masa itu, permohonan itu hendaklah disifatkan telah dibuat pada tarikh permohonan itu diterima oleh pihak berkuasa pelesenan.

(7) Tiada lesen boleh, dalam apa-apa hal keadaan, diperbaharui selepas habis tempoh satu tahun dari tarikh habis tempoh lesen.

(8) Peraturan 4 dan 5, hendaklah terpakai *mutatis mutandis* kepada permohonan bagi pembaharuan lesen.

#### **Aktiviti di premis dinyatakan**

8. (1) Pemegang lesen tidak boleh menjalankan atau melakukan apa-apa aktiviti yang dilesenkan dalam mana-mana premis lain selain premis dinyatakan.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

#### **Perubahan kepada maklumat atau butir-butir**

9. (1) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan pihak berkuasa pelesenan secara bertulis mengenai apa-apa perubahan kepada maklumat atau butir-butir yang dikemukakan kepada pihak berkuasa pelesenan di bawah peraturan 3 dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu.

(2) Apabila perubahan kepada maklumat atau butir-butir dikehendaki dibuat menurut subperaturan (1), pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesen kepada pihak berkuasa pelesenan untuk meminda maklumat atau butir-butir lesen itu tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

#### **Salinan diperakui lesen**

10. (1) Jika lesen yang asal hilang atau musnah, pemegang lesen hendaklah membuat laporan kepada pihak berkuasa pelesenan.

(2) Pemegang lesen yang lesennya hilang atau musnah boleh membuat permohonan bagi salinan diperakui lesen secara bertulis kepada pihak berkuasa pelesenan yang hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh pihak berkuasa pelesenan dan fi yang ditetapkan bagi salinan diperakui lesen yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Jika pihak berkuasa pelesenan berpuas hati bahawa kehilangan atau kemasnahan lesen tidak disebabkan oleh fraud, pihak berkuasa pelesenan boleh mengeluarkan salinan diperakui lesen dalam bentuk yang sama dengan salinan asal tetapi dengan perkataan "SALINAN" diindors pada lesen itu.

(4) Lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen yang asal.

**Penyenggaraan dan pengemukakan rekod, dsb.**

11. (1) Pemegang lesen hendaklah menyimpan, menyenggara dan mengemukakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, rekod harian dan penyata ringkasan bulanan pengeluaran, penjualan, pembelian, stok, import, eksport, perkhidmatan yang diberikan, buku akaun dan apa-apa dokumen sokongan berkenaan dengan aktiviti yang dileSENkan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dan dalam format yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan, mengemukakan atau membuat salinan, rekod harian dan penyata ringkasan bulanan pengeluaran, penjualan, pembelian, stok, import, eksport, perkhidmatan yang diberikan, buku akaun dan dokumen sokongan itu, apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa pelesenan atau pegawai penguat kuasa.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyimpan dan menyenggara rekod dan penyata ringkasan bulanan, buku akaun dan dokumen sokongan yang dikehendaki disenggara dan disimpan di bawah peraturan ini selama tidak kurang dari tiga tahun dari tarikh masukan terakhir.

(4) Pemegang lesen yang tidak mematuhi peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Lesen disifatkan terbatal**

12. Lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini disifatkan terbatal apabila pemegang lesen—

- (a) menjadi tidak upaya mental;
- (b) telah dihukum bankrap;
- (c) meninggal dunia;
- (d) dalam hal syarikat, digulung; atau
- (e) dalam hal perkongsian, koperasi, pertubuhan, kesatuan sekerja atau badan berkanun, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dibubarkan.

**BAHAGIAN III**

**PEMBATALAN DAN PENGGANTUNGAN LESEN**

**Pembatalan dan pengantungan lesen**

13. (1) Sebelum lesen dibatalkan atau digantung di bawah seksyen 12 Akta, pihak berkuasa pelesenan hendaklah memberitahu pemegang lesen secara bertulis, peruntukan yang telah dilanggar oleh pemegang lesen dan butir-butir hal keadaan pelanggaran itu dan menghendaki pemegang lesen itu untuk membuat representasi bertulis, dalam tempoh dua puluh satu hari, mengapa lesennya tidak patut dibatalkan atau digantung.

(2) Jika selepas menimbangkan representasi itu pihak berkuasa pelesenan tidak berpuas hati atau berpendapat bahawa pemegang lesen telah gagal untuk menunjuk sebab yang munasabah mengapa lesennya tidak patut dibatalkan atau digantung, pihak berkuasa pelesenan boleh membatalkan atau mengantung lesen itu sebagaimana yang difikirkan patut.

(3) Pihak berkuasa pelesenan hendaklah memaklumkan pemegang lesen dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh penerimaan representasi itu mengenai keputusannya secara bertulis.

#### BAHAGIAN IV

AM

#### **Fi bagi rayuan**

14. Fi bagi rayuan yang dibuat di bawah seksyen 13 Akta ialah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

#### **Pihak berkuasa pelesenan boleh menubuhkan jawatankuasa**

15. (1) Pihak berkuasa pelesenan boleh menubuhkan jawatankuasa yang difikirkan perlu bagi membantunya dalam pelaksanaan fungsi atau tugasnya di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pihak berkuasa pelesenan boleh melantik mana-mana orang yang disifatkannya sesuai untuk menjadi anggota kepada mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan (1).

(3) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan ini boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengurus dan boleh menetapkan apa-apa tatacaranya sendiri dan, dalam menjalankan kuasanya di bawah subperaturan ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh pihak berkuasa pelesenan.

(4) Mesyuarat bagi jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan ini hendaklah diadakan pada masa dan tempat yang pengurus jawatankuasa boleh, tertakluk kepada subperaturan (3), menentukan.

(5) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang, bagi maksud menasihatkannya atas apa-apa perkara yang dibincangkan, untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu namun orang yang diundang itu tidak berhak mengundi pada mesyuarat itu.

**JADUAL PERTAMA**  
**(Peraturan 4, 7, 9, 10 dan 14)**

FI

No.	Peraturan	Perkara	Fi
1.	Peraturan 4 dan 7	Fi bagi pengeluaran dan pembaharuan lesen di bawah seksyen 5 Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007	(Setiap aktiviti) (RM)
		(a) memulakan untuk membina apa-apa loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api	100
		(b) mengeluarkan apa-apa biobahan api	100
		(c) mengadun apa-apa biobahan api dengan apa-apa bahan api atau biobahan api lain	100
		(d) mengeksport apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain	100
		(e) mengimport apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain	100
		(f) mengangkut apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain yang berkaitan dengan aktiviti huluhan	100
		(g) menyimpan apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api lain yang berkaitan dengan aktiviti huluhan	100

No.	Peraturan	Perkara	Fi
		(h) mengukur apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain	100
		(i) menguji apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain	100
2.	Peraturan 9	Perubahan kepada maklumat atau butir-butir	100
3.	Peraturan 10	Salinan diperakui lesen	100
4.	Peraturan 14	Rayuan	500

**JADUAL KEDUA**  
**(Peraturan 5)**

**SYARAT-SYARAT BAGI SEMUA PEMEGANG LESEN**

1. Pemegang lesen hendaklah mematuhi peruntukan Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 [Akta 666], perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta dan garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pelesenan.
2. Pemegang lesen hendaklah menyenggara dan mengemaskinikan rekod harian dan buku akaun yang benar dan tepat berhubung dengan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.
3. Pemegang lesen berkenaan dengan aktiviti pengeluaran, pengadunan, eksport dan import hendaklah mengemukakan kepada pihak berkuasa pelesenan tidak lewat daripada tujuh hari bulan pada bulan yang berikutnya suatu penyata bulanan yang benar, lengkap dan tepat berhubung dengan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.
4. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada pihak berkuasa pelesenan dalam masa yang dinyatakan:
  - (a) maklumat berkala; dan
  - (b) maklumat dan dokumen,

yang benar, lengkap dan tepat berhubung dengan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.

5. Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen oleh pihak berkuasa pelesenan.

**SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN  
DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(a) AKTA**

**AKTIVITI: MEMULAKAN UNTUK MEMBINA APA-APA LOJI BIOBAHAN API ATAU LOJI PENGADUNAN BIOBAHAN API**

1. Pemegang lesen hendaklah memulakan pembinaan loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api dalam tempoh satu tahun dari tarikh pengeluaran lesen atau dalam masa yang dinyatakan oleh pihak berkuasa pelesenan.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pembinaan loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api diteruskan menurut jadual yang dipersetujui dan berdasarkan pelan yang dikemukakan.
3. Pemegang lesen hendaklah memohon secara bertulis bagi aktiviti yang dilesenkan yang berkenaan yang berhubung dengan pengendalian loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api tiga bulan sebelum permulaan pengendalian.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tangki penyimpanan berhubung dengan pengendalian loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api ditentukurkan dan diperakui oleh agensi yang dinyatakan oleh pihak berkuasa pelesenan.

**SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN  
DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(b) AKTA**

**AKTIVITI: MENGELOUARKAN APA-APA BIOBAHAN API**

1. Pemegang lesen tidak boleh mengeluarkan biobahan api melebihi keupayaan pemprosesan yang dinyatakan dalam lesen.
2. Pemegang lesen hendaklah mengadakan makmal yang dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang berkenaan untuk menguji parameter mutu biobahan api yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan dan makmal itu hendaklah dikendalikan oleh kakitangan yang berkelayakan dan terlatih untuk memastikan maksud jaminan kualiti tercapai.

**SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN  
DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(c) AKTA**

**AKTIVITI: MENGADUN APA-APA BIOBAHAN API DENGAN APA-APA BAHAN API ATAU BIOBAHAN API**

1. Pemegang lesen tidak boleh mengadun biobahan api dengan apa-apa bahan api lain sebagaimana yang dinyatakan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa.

---

2. Pemegang lesen hendaklah mengadakan makmal atau menggunakan makmal yang diakreditasi, dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang berkenaan untuk menguji parameter mutu biobahan api dan keluaran pengadunan yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan dan makmal itu hendaklah dikendalikan oleh kakitangan yang berkelayakan dan terlatih.

**SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN  
DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(d) AKTA**

**AKTIVITI: MENGEKSPORT APA-APA BIOBAHAN API, BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BAHAN API LAIN ATAU BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BIOBAHAN API LAIN**

1. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada pihak berkuasa pelesenan, secara elektronik atau cara lain, suatu salinan Borang Kastam No. 2 yang telah disahkan oleh pihak berkuasa Kastam atau apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan bagi apa-apa eksport biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain dan borang atau dokumen itu hendaklah diterima oleh pihak berkuasa pelesenan tidak lewat daripada tujuh hari bulan dari tarikh eksport.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa juruukur yang dilantik untuk mengukur apa-apa biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain memiliki lesen yang sah bagi aktiviti itu.
3. Pemegang lesen hendaklah hanya mengeksport apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadun dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain daripada jenis dan kualiti yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.

**SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN  
DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(e) AKTA**

**AKTIVITI: MENGIMPORT APA-APA BIOBAHAN API, BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BAHAN API LAIN ATAU BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BIOBAHAN API LAIN**

1. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada pihak berkuasa pelesenan secara elektronik atau cara lain, suatu salinan Borang Kastam No. 1 atau 9 (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang telah disahkan oleh pihak berkuasa Kastam atau apa-apa dokumen yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan bagi apa-apa import biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain dan borang atau dokumen itu hendaklah diterima oleh pihak berkuasa pelesenan tidak lewat daripada tujuh hari bulan daripada tarikh import.

2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain yang diimport adalah dalam kualiti boleh dagang yang baik.

SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN  
DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(f) AKTA

AKTIVITI: MENGANGKUT APA-APA BIOBAHAN API, BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BAHAN API LAIN ATAU BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BIOBAHAN API LAIN YANG BERKAITAN DENGAN AKTIVITI HULUAN

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan pengangkutan selamat biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain bagi melindungi orang atau harta daripada bahaya berkaitan dengan pengangkutan itu.
2. Pemegang lesen hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan bahawa mana-mana orang yang diambil kerja olehnya berkaitan dengan pengangkutan biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain dalam kenderaan itu mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis lain yang menyentuh aktiviti pengangkutan itu.

SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN  
DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(g) AKTA

AKTIVITI: MENYIMPAN APA-APA BIOBAHAN API, BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BAHAN API LAIN ATAU BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BIOBAHAN API LAIN YANG BERKAITAN DENGAN AKTIVITI HULUAN

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kemudahan simpanan pukal termasuklah peralatan, kelengkapan dan jentera pengendalian disenggara sewajarnya dan selamat untuk digunakan mengikut standard keselamatan yang berkenaan.
2. Pemegang lesen hendaklah menggunakan peranti mengukur yang telah ditentukurkan mengikut undang-undang bertulis yang berkenaan yang berkaitan dengan timbang dan sukat.
3. Pemegang lesen hendaklah ada dalam milikannya pelan susun atur semua tangki simpanan pukal dan saluran-saluran paip, injap dan pam sampingannya dan hendaklah mengemukakan pelan susun atur itu untuk rujukan dalam pemeriksaan atau pengukuran oleh pegawai diberi kuasa atau juruukur berlesen.

- 
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua tangki dan kemudahan simpanan pukal termasuklah saluran-saluran paip, injap dan pam sampingannya hendaklah ditanda dengan jelas dan mudah dilihat untuk mudah dikenal pasti.

**SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN  
DI BAWAH PERENGGAN 5(1)(h) AKTA**

**AKTIVITI: MENGUKUR APA-APA BIOBAHAN API, BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BAHAN API LAIN ATAU BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BIOBAHAN API LAIN**

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tangki simpanan yang hendak digunakan bagi penyimpanan biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain adalah bersih, sesuai untuk digunakan dan bebas daripada sisa kargo sebelumnya, air dan bahan-bahan lain sama ada bertoksik atau tidak bertoksik.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa sampel biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain yang diambil semasa pengukuran diisi ke dalam bekas bersih baru, bertutup rapat, dimeteri dan dilabelkan dengan serta-merta selepas sampel diambil.
3. Suatu salinan setiap laporan pengukuran biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain hendaklah disimpan apabila diminta oleh pihak berkuasa pelesenan.
4. Pemegang lesen hendaklah menyimpan semua laporan, rekod dan dokumen pengukuran biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain tidak kurang daripada tiga tahun dari tarikh pengukuran.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua butir pengukuran biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain yang diambil semasa pengukuran bagi tempoh tidak kurang daripada tiga bulan selepas tarikh pengukuran.
6. Pemegang lesen hendaklah menyimpan semua sampel biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain yang diambil semasa pengukuran bagi tempoh tidak kurang daripada tiga bulan selepas tarikh pengukuran.
7. Pemegang lesen hendaklah mematuhi amalan dan tatacara pengukuran yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.

8. Pemegang lesen hendaklah menggunakan perkakas ukur yang telah ditentukan mengikut undang-undang timbang dan sukat yang berkenaan.
9. Pemegang lesen hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa pelesenan tiap-tiap bantahan atau pertikaian yang diberitahu kepada pihak yang berkepentingan berhubung dengan pengukuran biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain, dalam tempoh 24 jam dari masa pemberitahuan itu dan suatu salinan pemberitahuan itu hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga hari dari tarikh pemberitahuan itu.
10. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua laporan pengukuran biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain yang dikeluarkan adalah benar, tepat dan lengkap.
11. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua kerja pengukuran termasuklah penandatanganan dokumen pengukuran biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan lain adalah—
  - (a) dijalankan oleh juruukur yang berdaftar dengan pihak berkuasa pelesenan;
  - (b) dijalankan oleh juruukur itu bagi pihak pemegang lesen; dan
  - (c) dijalankan oleh juruukur itu yang diambil kerja oleh pemegang lesen.
12. Pemegang lesen hendaklah memiliki peralatan, perkakas, kelengkapan, alat dan mesin yang diperlukan untuk menjalankan persampelan dan pengukuran dan alat, radas, kelengkapan, jentera, mesin itu hendaklah ditentukan oleh agensi yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.

SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN BAGI LESEN YANG DIKELUARKAN DI BAWAH  
PERENGGAN 5(1)(i) AKTA

AKTIVITI: MENGUJI APA-APA BIOBAHAN API, BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BAHAN API LAIN ATAU BIOBAHAN API YANG DIADUNKAN DENGAN APA-APA BIOBAHAN API LAIN

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa sampel biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain yang diterima untuk diuji diisi dalam bekas bertutup rapat, berlabel dan bermeterai.
2. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada pihak berkuasa pelesenan suatu salinan yang benar, lengkap dan tepat laporan analisis biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain tidak lewat daripada tujuh haribulan dari tarikh pengujian.

- 
3. Pemegang lesen hendaklah merekodkan butir-butir pengujian biobahan api atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain dalam bentuk buku, dokumen berjilid atau dalam bentuk elektronik dan rekod itu hendaklah disimpan di premis dinyatakan selama tidak kurang daripada tiga tahun.
  4. Pemegang lesen hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli kimia yang berkelayakan yang hendaklah menjadi ahli kepada Institut Kimia Malaysia (IKM).
  5. Pemegang lesen hendaklah mematuhi kaedah pengujian bagi setiap parameter yang diuji yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.
  6. Pemegang lesen hendaklah memiliki peralatan, perkakas, kelengkapan, jentera dan mesin yang ditentukan dalam setiap kaedah pengujian untuk setiap parameter yang diuji dan peralatan, perkakas, kelengkapan, jentera dan mesin itu hendaklah ditentukurkan dan diperakui oleh agensi yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.
  7. Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua kehendak keselamatan makmal yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelesenan.

Dibuat pada 28 Oktober 2008  
[KPPK 19 (05)1032/2/1; PN(PU<sup>2</sup>)655]

DATUK PETER CHIN FAH KUI  
*Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi*